

**INSTRUMEN GLOSARI SEBAGAI KAEDAH PENAMBAHBAIKAN DALAM
PEMBELAJARAN PEMIKIRAN DAN TAMADUN ISLAM DI KALANGAN PELAJAR
SEMESTER 2 UITM KELANTAN**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

BY :

**NOR ASMIRA JUSOH
NURUL HIDAYAH AWANG @ AB. RAHMAN
NURUL IZZAH NOOR ZAINAN
ZANIRAH MUSTAFA @ BUSU
SITI FATIMAH TASIR**

NOVEMBER 2018

Contents

1. Letter of Report Submission.....

2. Letter of Offer (Research Grant).....

3. Acknowledgements.....

4. Enhanced Research Title and Objectives.....

5. Report.....

 5.1 Proposed Executive Summary.....

 5.2 Enhanced Executive Summary.....

 5.3 Introduction.....

 5.4 Brief Literature Review.....

 5.5 Methodology.....

 5.6 Results and Discussion.....

 5.7 Conclusion and Recommendation.....

 5.8 References/Bibliography

6. Research Outcomes.....

7. Appendices

3. ACKNOWLEDGEMENTS

The writers would like to acknowledge the Research Management Centre (RMC), UiTM for funding our research project entitled “Instrumen Glosari Sebagai Kaedah Penambahbaikan Dalam Pembelajaran Pemikiran Dan Tamadun Islam Di Kalangan Pelajar Semester 2 Uitm Kelantan” (600-IRMI/DANA/5/3/ARAS(0113/2016) under the Academic and Research Assimilation (ARAS) grant.

5. REPORT

5.1 Proposed Executive Summary

Penggunaan glosari masih belum tular dikalangan pelajar sebagai alat bantuan kepada mereka untuk menguasai pembelajaran yang perlu kepada kefahaman serta ingatan yang kuat. Oleh itu, kajian ini membincangkan tentang glosari dan kepentingannya dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Pemikiran dan Tamadun Islam. Glosari bermaksud senarai istilah beserta takrifnya yang disusun menurut abjad khusus bagi sesuatu bidang pengetahuan. Pemikiran dan Tamadun Islam (CTU151) merupakan kursus wajib yang diambil oleh semua pelajar yang mengikuti program Diploma Bahagian 2 di UiTM. Kursus ini menjelaskan konsep tamadun Islam dan sumbangannya kepada peradaban dunia, Islam di Alam Melayu, sistem kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan Islam seterusnya cabaran yang dihadapi oleh dunia Islam hari ini. Matlamat dan hasil pembelajaran kursus ini, diharapkan pelajar dapat memahami dan menerangkan bagaimana sumbangan tamadun terdahulu untuk pembangunan dan kemajuan dunia pada masa kini. Kajian ini di fokuskan dalam waktu pengajaran dan pembelajaran. Tujuan kajian ini dijalankan untuk memperkenalkan dan mengaplikasi penggunaan glosari dalam pembelajaran CTU 151 serta dapat membantu pelajar dalam menguasai kursus tersebut. Hasil penggunaan glosari dapat membantu pelajar memahami dan menerangkan dengan jelas mengenai kursus CTU151 disamping memberi kejayaan dalam pembelajaran.

5.2 Enhanced Executive Summary

Pemikiran dan Tamadun Islam (CTU151) merupakan kursus wajib yang diambil oleh semua pelajar yang mengikuti program Diploma Bahagian 2 di UiTM. Dapatan mendapati pelajar menghadapi kesukaran untuk menguasai subjek ini berdasarkan keputusan kursus CTU151 bagi setiap semester menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajar berada di tahap sederhana. Bagi mengatasi masalah tersebut pensyarah Akademi Pengajian Islam

Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Kelantan telah memperkenalkan kaedah penggunaan glosari bagi memudahkan para pelajar memahami dan menguasai mata pelajaran tersebut. Kajian ini telah menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan mengedarkan borang kaji selidik penggunaan kaedah glosari dalam pembelajaran yang diagihkan kepada semua pelajar diploma bahagian 2 (2017/2018) UiTM cawangan Kelantan sebanyak 254 sampel dan menerima semula sebanyak 162 sampel. Soal selidik ini dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 24.0 dengan menggunakan analisis t-test, anova dan kolerasi. Hasil didapati faktor yang dikaji berkait rapat dalam menentukan tahap pemahaman pelajar dalam subjek pemikiran dan tamadun islam. Kajian ini dapat membantu pelajar memahami dan menguasai subjek ini dengan lebih baik, seterusnya dapat memenuhi keperluan pembelajaran pada masa kini. Memahami subjek tamadun khususnya tamadun Islam amat kompleks dengan pelbagai istilah yang dicampur dari bahasa arab dan inggeris. Memahami glosari dan istilahnya adalah langkah awal yang perlu dilakukan dalam memahami subjek tamadun. Pertanyaan dari masyarakat khususnya pelajar berkaitan isu-isu dan istilah tamadun memerlukan sebuah buku yang dapat memberi panduan umum khususnya kepada pelajar dan orang awam. Glosari disini bermaksud senarai atau daftar perkataan atau istilah dalam bidang tertentu yang diberikan penjelasan, penerangan atau huraian tentang maknanya. Sebuah glosari biasanya hanya mengandungi perkataan atau istilah dalam sesuatu bidang yang khusus yang disusun mengikut abjad. Justeru itu, objektif utama penerbitan glosari tamadun Islam adalah untuk mengenalpasti kaedah glosari dalam pembelajaran dan pengajaran, mengenal pasti istilah yang digunakan dalam bahan bacaan tamadun Islam dan mengenalpasti keberkesanan glosari dalam CTU 151. Hasil pemerhatian terhadap kajian yang telah dilakukan, keberkesanan penggunaan kaedah glosari dalam pengajaran dan pembelajaran telah menarik minat pelajar dalam mudah cara pembelajaran serta dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam mata pelajaran Tamadun Islam. Penggunaan klausa-klausa kata beserta dengan pemahaman istilah-istilah dapat membantu para pelajar melancarkan pembelajaran mereka. Contohnya, ketika melakukan kuiz di dalam kelas, para pensyarah hanya perlu mengeluarkan "key word" atau kata kunci kepada para pelajar, mereka mampu menceritakan satu persatu istilah yang